



FOTO

Sesi Konsultasi #Bajet2022 bersama Wakil-wakil Sektor Peruncitan

FOTO | 08 SEPTEMBER 2021



YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan telah berkesempatan mengadakan sesi konsultasi [#Bajet2022](#) bersama wakil-wakil sektor peruncitan secara maya.

Keprihatinan Kerajaan adalah berterusan dan sejak sektor ini merasai impak pandemik, Kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti Program Subsidi Upah, Geran Khas Prihatin, moratorium pinjaman, serta insentif cukai yang dapat mengurangkan beban aliran tunai peniaga.

MOF akan meneliti semua pandangan dan cadangan yang diberi dan merangka pelan yang menjamin kelangsungan perniagaan dalam #Bajet2022 nanti, insyaAllah.

Sektor ini adalah antara yang sektor paling terjejas sewaktu pandemik dan pemulihan harus disegerakan, bukan sahaja demi meningkatkan daya tahan ekonomi negara, malah juga demi kelangsungan hidup mereka yang bekerja di dalam sektor ini.

Sejak pandemik bermula, Kerajaan telah menyediakan pelbagai dana buat para peniaga, sebagai contoh, RM12.36 bilion pinjaman mudah disalurkan menerusi Bank Negara Malaysia (BNM) dan lebih RM82.27 juta dalam bentuk geran dan pinjaman mudah bagi usaha pendigitalan. Kerajaan juga telah membuka sektor ekonomi semula secara berperingkat, dengan pematuhan Standard Operating Procedure (SOP) yang ketat bagi memastikan perniagaan dapat beroperasi dengan selamat.



Langkah-langkah yang diambil Kerajaan adalah berdasarkan sains dan data semasa, serta input daripada pelbagai pihak. Menerusi sesi konsultasi berterusan, MOF akan merangka pelan yang menjamin kelangsungan perniagaan dalam [#Bajet2022](#).

Untuk sebarang input atau cadangan bagi #Bajet2022, orang ramai boleh layari di laman sesawang: budget.mof.gov.my.

[Bajet 2022](#)
[Konsultasi Bajet 2022](#)
[Siaran Media](#)
[Bajet 2023](#)

-  [Koleksi Ucapan](#)
-  [Petikan Akhbar](#)
-  [Foto](#)
-  [Video](#)
-  [Pengumuman](#)
-  [Laporan LAKSANA](#)
-  [Tender](#)

POPULAR TAGS

TENKU ZAFRUL

BERNAMA

LAKSANA REPORT

BAJET 2023

LAPORAN LAKSANA

LAPORAN KEWANGAN RAKYAT

PEMERKASAAN PERNIAGAAN

TMK I

KERTAS KONSULTASI AWAM

COVID-19

PRICE OF PETROLEUM

BAJET 2022

Arkib Foto

[Seterusnya →](#)